Mohd Sahir bin Awang dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-05–164–06 TAHUN 2011 DAN A-05–165–06 TAHUN 2011
ABU SAMAH, LINTON ALBERT DAN ABDUL AZIZ AB RAHIM HHMR
27 JUN 2012

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — s 39B(1)(a) — Pengedaran — Kanabis seberat 12,712g — Rayuan terhaap sabitan dan hukuman — Penjualan dadah kepada penyamar polis — Sama ada pendakwaan gagal mengemukakan saksi melemahkan kes pendakwaan — Sama ada pembelaan yang tidak ditimbulkan seawal mungkin adalah tidak kredibel — Keraguan mengenai sama ada dadah dibalut dengan 'aluminium wrappers' atau kertas timah — Sama ada terputusnya rantaian keterangan — Sama ada terdapat keraguan tentang identiti ekshibit dadah — Sama ada ketiadaan keterangan cap jari melemahkan kes pendakwaan — Sama ada milikan dan kawalan terbukti — Sama ada niat dan perbuatan untuk mengedar dadah terbukti — Sama ada niat bersama dibuktikan

Bertindak atas maklumat tentang aktiviti pengedaran dadah ganja oleh OKT1, SP4 telah menyamar sebagai pembeli dadah. Seorang 'sumber' telah diarahkan untuk mengatur pertemuan dengan OKT1. Pada 16 Ogos 2006, satu perjumpaan diadakan sebuah gerai dalam kehadiran SP4, SP6 dan Sjn Shaharudin. Sebuah kereta tiba di situ dan OKT1 serta seorang perempuan Melayu keluar dari kereta tersebut. SP4 telah berbincang dengan OKT1 dan OKT1 telah bersetuju membekalkan ganja. Pada 25 Ogos 2006, OKT1 menelefon SP4 memberitahu bahawa bekalan akan dihantar di suatu kawasan di Changkat Jering. SP5 telah ditugaskan sebagai penyamar sulit kedua, sebagai orang suruhan SP4. SP4 kemudiannya telah berjumpa dengan OKT1 di Restoran ST. Semasa di restoran itu, OKT2 telah diperkenalkan sebagai kawan OKT1. Sejurus kemudian, OKT2 telah mengambil kunci kereta daripada OKT1 dan telah beredar dari situ diikuti oleh SP5 dalam kereta lain bagi menyerah dadah tersebut. Mereka telah berhenti berhampiran sebuah persimpangan di mana OKT2 telah memindahkan dadah tersebut daripada but keretanya ke dalam kereta SP5. Selepas mereka kembali ke Restoran ST, SP4 telah memberi isyarat untuk serbuan dan kedua-dua OKT telah ditangkap. Kedua-dua OKT telah dituduh di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan atas tuduhan dengan niat yang sama mengedar 12,712g kanabis. Kedua-dua OKT mengatakan mereka tidak terlibat dalam urusan jual beli dadah tersebut. Mereka mengatakan mereka hanya menjadi pemandu kepada seorang bernama Max. Kedua-dua OKT telah didapati bersalah dan disabitkan; dan dihukum dengan

hukuman gantung sampai mati. Kedua-dua OKT telah merayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Rayuan OKT1 adalah atas alasan: (i) hakim bicara telah silap apabila membuat penemuan bahawa pendakwaan telah membuktikan kes yang melampaui keraguan munasabah sedangkan pendakwaan gagal mengemukakan saksi ('Rosmaria') yang ditawarkan kepada OKT1 dan memutuskan kewujudan Max adalah satu rekaan sahaja; (ii) ahli kimia mengatakan bahawa dadah tersebut dibungkus dengan menggunakan 'aluminium wrappers'; manakala di dalam laporan polis ia dikatakan dibungkus dengan kertas timah (*tin foil*); (iii) tiga telefon bimbit yang dikatakan dirampas daripada OKT1 tidak didaftarkan atas nama OKT1; (iv) tiada sebarang cap jari mahupun keratan kuku kepunyaan OKT1 telah dihantar kepada ahli kimia untuk mengesahkan bahawa tertuduh pernah menyentuh barang-barang salah; dan (v) terdapat lompang dalam kes pendakwaan dan terputusnya rantaian keterangan. Rayuan OKT2 adalah atas alasan: (i) tidak terbukti bahawa OKT2 mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut; (ii) tidak terbukti bahawa OKT2 mempunyai milikan eksklusif ke atas dadah tersebut; dan (iii) tiada apa-apa niat bersama dibuktikan.

Diputuskan, menolak rayuan kedua-dua perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman:

(1) Kegagalan pendakwaan mengemukakan saksi Rosmaria tidak melemahkan atau memprejudis kes pendakwaan. Pihak pendakwaan telah menawarkan beberapa orang saksi kepada pembelaan di akhir kes pendakwaan termasuklah saksi Rosmaria. Kedua-dua OKT telah menutup kes mereka tanpa memanggil Rosmaria untuk memberi keterangan. Ini menunjukkan kedua-dua OKT tidak mahu memanggil, dan tidak memerlukan Rosmaria sebagai saksi untuk memberi keterangan bagi pihak mereka (lihat perenggan 29 & 31).

(2) Hakim bicara tidak melakukan apa-apa kesilapan dalam membuat kesimpulan bahawa Max adalah rekaan semata-mata. Keterangan OKT1 dan OKT2 tentang kewujudan Max adalah bertentangan dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan SP4, SP5 dan SP6. Keterangan SP4, SP6 dan SP5 tidak dicabar semasa soal balas. Tidak ada apa-apa keterangan ataupun hujahan untuk menunjukkan bahawa pembelaan OKT tentang kewujudan Max telah dimaklumkan kepada SP6 ataupun SP7 semasa dalam siasatan atau semasa tangkapan dibuat. Cerita OKT1 tentang kewujudan Max itu bukanlah sesuatu yang 'credible' dan kebarangkalian tentang kebenarannya amat tipis sekali (lihat perenggan 33–34 & 44–45).

(3) Perkataan 'kertas timah' adalah sememangnya perkataan harian yang digunakan oleh kebanyakan orang untuk memperihalkan *aluminium foil*. Tambahan lagi, kedua-dua OKT tidak mempersoalkan pergerakan

ekshibit dadah-dadah tersebut. Oleh itu, tidak berlakunya 'break in chain of evidence' mengenai dadah-dadah tersebut. Peguambela OKT1 dan OKT2 juga tidak menyoal balas ataupun mencabar saksi-saksi pendakwaan khususnya ahli kimia, SP3 dan SP7 tentang perkara ini (lihat perenggan 46).

(4) Keterangan yang mencukupi telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan tentang bagaimana telefon-telefon bimbit tersebut berada dalam milikan OKT1. Maka, pergantungan OKT1 ke atas s 114(g) Akta Keterangan 1950 mengenai isu ini adalah tidak wajar (lihat perenggan 50).

(5) Keterangan SP5 dan SP4 jelas menunjukkan penglibatan OKT2 dalam kes ini. Keterangan juga menunjukkan bukan sahaja OKT1 dan OKT2 mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut tetapi juga terdapat elemen kawalan ke atas dadah tersebut oleh OKT1 dan OKT2. Oleh itu, isu milikan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap OKT1 dan OKT2. Terdapatnya penyerahan langsung dadah berbahaya kepada SP5 oleh OKT2 sebagai susulan kepada rundingan antara SP4 dan OKT1 untuk pembelian dadah tersebut juga membuktikan adanya niat dan perbuatan untuk mengedar dadah berbahaya tersebut (lihat perenggan 53 & 59–60).

(6) Jika niat bersama terbukti, maka seseorang itu boleh didapati bersalah atas tindakan berkaitan dengan sesuatu kesalahan walaupun kesalahan tersebut tidak dilakukan olehnya tetapi orang seorang yang lain yang mana dia mempunyai niat yang sama. Niat bersama ini tidak semestinya wujud melalui *pre-arrangement plan* ataupun *pre-concert or pre-planning*, ia boleh berlaku semasa tindakan yang menimbulkan kesalahan itu dilakukan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan niat bersama OKT1 dan OKT2 untuk menjual dadah berbahaya tersebut kepada SP4 (lihat perenggan 64).

[English summary

Acting on information received that there would be a certain cannabis trafficking activity by OKT1, SP4 acted as a drug purchaser. A source was instructed to arrange a meeting with OKT1. On 16 August 2006, a meeting was held at a stall in the attendance of SP4, SP6 and Sjn Shaharudin. A car arrived there and OKT1 and a Malay lady exited the car. SP4 had negotiated with OKT1 and OKT1 had agreed to supply cannabis. On 25 August 2006, OKT1 telephoned SP4, informing him that the supply would be delivered at an area in Changkat Jering. SP5 was assigned as the second imposter, SP4's assistant. SP4 then met OKT1 at Restaurant ST. At the said restaurant, OKT2 was introduced as OKT1's friend. Immediately after that, OKT2 grabbed the car key from OKT1 and left the place followed by SP5 in a different car, to deliver the drugs. They stopped near a junction where OKT2 transferred the drugs from his car boot to SP5's car. Upon their return to Restaurant ST, SP4

signalled for ambush and both the accused persons were arrested. Both the accused persons were charged under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 read together with s 34 of the Penal Code for common intention to traffic 12,712g of cannabis. The two accused persons argued that they were not involved in the dealings of the drugs. They contended that they were merely drivers to one Max. Both the accused persons were found guilty and convicted and sentenced to death. OKT1's grounds of appeal was that the trial judge had erred in finding that the prosecution had proved their case beyond reasonable doubt even though the prosecution failed to call a witness ('Rosmaria') who was offered OKT1 and in holding that Max was just fictional; the chemist had testified that the drugs were wrapped with 'aluminium wrapper's while in the police report, it was said to be wrapped in a 'kertas timah' (tin foil); three handphones which were said to be seized by OKT1 were not registered under OKT1's name; no fingerprints nor nail clippings belonging to OKT1 were sent to the chemist in order to confirm whether the accused had touched any of the incriminating items; there was a gap in the prosecution's case and break in the chain of evidence. OKT2's appeal was on the grounds that it was not proven that OKT2 had the knowledge about the drugs; it was not proven that OKT2 had exclusive possession of the drugs; and there was no common intention proven.

Held, dismissing both the appellants' appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) The prosecution's failure to call Rosmaria did not weaken or prejudice the prosecution's case. The prosecution had offered a few other witnesses at the end of the prosecution's case including Rosmaria. Both the accused persons had closed their case with calling Rosmaria to give her evidence. This showed that both the accused persons did not want to call and did not need Rosmaria as a witness to testify for them (see paras 29 & 31).

(2) The trial judge did not err in concluding that Max was fictional. OKT1 and OKT2's evidence on the existence of Max was against the evidence of the prosecution's witnesses SP4, SP5 and SP6. SP4, SP5 and SP6's evidence were unchallenged when cross-examined. There was no evidence or contention to show that the accused persons' defence on the existence of Max was communicated to SP6 or SP7 during investigation or during arrests. OKT1's contention of the existence of Max was not something credible and the possibility of its true was thin (see paras 33–34 & 44–45).

(3) The words 'kertas timah' were indeed daily words commonly used by most people to describe aluminium foil. Furthermore, both the accused persons did not question the movement of the drugs exhibits. Hence, there was break in the chain of evidence in relation to the drugs. OKT1 and OKT2's counsel did not cross-examine or challenge the prosecution's

witnesses especially the chemist, SP3 and SP7 on this matter (see para 46).

(4) Sufficient evidence was adduced by the prosecution on how the handphones were in OKT1's possession. Hence, OKT1's reliance on s 114(g) of the Evidence Act 1950 on this issue was improper (see para 50).

(5) SP4 and SP5's evidence clearly showed OKT2's involvement in this case. Evidence also showed that not only OKT1 and OKT2 had knowledge of the drugs, but there was also the element of control of the drugs by OKT1 and OKT2. Hence, the issues of possession were proven against OKT1 and OKT2 by the prosecution. There was direct transfer of the dangerous drugs from SP5 to OKT2 as a consequent to the negotiation between SP4 and OKT1 for the purchase of the drugs could also prove there was intention and act to traffic the dangerous drugs (see paras 53 & 59–60).

(6) If common intention was proven, a person could be found guilty on the act relating an offence even though the offence was not committed by him but by another of which he had no common intention. Common intention may not necessarily exist in a pre-arrangement plan or pre-concert or pre-planning, it could happen when an act that caused the commission of crime. The prosecution had succeeded in proving common intention between OKT1 and OKT2 to sell the dangerous drugs to SP4 (see para 64).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 34 Kanun Keseksaan, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 2107–2135.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 400–608.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237 (dirujuk)

Gade Laksmi Mangraju @ Ramesh v State of Andra Pradesh AIR 2001 SC 2677, MA (dirujuk)

Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, MP (dirujuk)

PP v Asnawi bin Yusuf [2011] 4 MLJ 16, MR (dibeza)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] MLJU 504; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)

PP v Sa'ari bin Jusoh [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197, MP (dirujuk)

Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37, MR (dirujuk)

Satli bin Masot v PP [1999] 2 SLR 637, MR (dirujuk)

Su Ah Ping v PP [1980] 1 MLJ 75, MP (dirujuk)

Toh Ah Loh and Mak Thim v Rex [1949] 1 MLJ 54 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a), (2)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–05 Tahun 2007 (Mahkamah Tinggi, Taiping) dan 45–5 Tahun 2007 (Mahkamah Tinggi, Ipoh)

K Viknesvaran (Vines Ratna & Co) bagi pihak perayu pertama.
S Vijayaretnam @ Veizay (Veizay & Co) bagi pihak perayu kedua.
Idham bin Abdul Ghani (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abdul Aziz Ab Rahim HMR:

[1] Kedua-dua perayu telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Taiping, Perak atas pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan dengan niat yang sama kerana mengedar dadah berbahaya jenis *cannabis* seberat 12,712g di kawasan Restoran ST (Siti Tom), Batu 5, Jalan Kuala Kangsar, Changkat Jering, Taiping, di dalam Daerah Larut Matang dan Selama, Negeri Perak, pada 25 Ogos 2006 jam lebih kurang 8.15 malam. Kedua-dua perayu telah didapati bersalah dan disabitkan; dan dihukum dengan hukuman gantung sampai mati di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Ini adalah rayuan oleh kedua-dua perayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Dalam rayuan ini perayu pertama akan dirujuk sebagai 'OKT1' dan perayu kedua sebagai 'OKT2'.

FAKTA KES

[3] Fakta kes yang material dalam rayuan ini adalah seperti yang disebutkan di dalam penghakiman bertulis hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana. Ringkasannya adalah seperti berikut.

[4] Bertindak atas maklumat tentang aktiviti pengedaran dadah ganja di kawasan Gerik oleh seorang lelaki Melayu berasal dari Kedah yang dikenali sebagai 'X', Cif Insp Mat Nawi bin Abd Rahman ('SP6'), atas cadangan Sjn Shaharudin telah mengarah Sub Insp Busra bin Abd Kadir ('SP4') untuk menyamar sebagai pembeli dadah.

[5] Pada 15 Ogos 2006, lebih kurang jam 6 petang, SP4, SP6 dan Sj Shaharudin telah berjumpa dengan seorang 'sumber'. SP6 telah mengarahkan

sumber menghubungi dan mengatur pertemuan dengan 'X'. Pertemuan dipersetujui pada 16 Ogos 2006 di Pekan Baling, Kedah pada jam 10 malamnya.

[6] Pada 16 Ogos 2006, jam lebih kurang 9.20 malam, SP4 dan sumber sampai di sebuah gerai bersebelahan dengan pejabat pos di Pekan Baling. SP6 dan Sjn Shaharudin sampai sejurus kemudian dan duduk di sebuah meja berdekatan dengan meja SP4. Lebih kurang pukul 10 malam, SP4 nampak sebuah kereta Proton Wira No PGW 4192 berhenti di hadapan gerai itu. Seorang lelaki Melayu bersama seorang perempuan Melayu keluar dari kereta tersebut. Hanya lelaki Melayu sahaja yang datang duduk di meja SP4, manakala perempuan Melayu tadi duduk di satu meja lain yang jaraknya lebih kurang 10 kaki jauh. Lelaki Melayu itu kenalkan dirinya sebagai 'X' (OKT1) dan SP4 pula membahasakan dirinya sebagai 'Abang Bob'.

[7] Di dalam pertemuan ini, SP4 dan OKT1 telah berbincang tentang bekalan dadah di mana OKT1 telah bersetuju membekalkan ganja sebanyak 13kg pada harga RM1,700 sekilogram. OKT1 pada mulanya meminta SP4 memasukkan duit ke dalam akaunnya dan datang mengambil bekalan di karangan Kedah. SP4 tidak bersetuju. OKT1 akhirnya bersetuju untuk menghantar bekalan nanti di suatu tempat di Lebuh Raya Baru Gerik-Baling pada 18 Ogos 2006 jam 5–6 petang. OKT telah memberikan nombor telefonnya kepada SP4.

[8] Namun, penghantaran yang dijanjikan pada 18 dan 19 Ogos 2006 telah ditangguhkan oleh OKT1 atas alasan ketiadaan bekalan dalam simpanan dan bekalan akan sampai dalam masa 2–3 hari lagi.

[9] Pada 25 Ogos 2006, jam lebih kurang 1.10 pagi, OKT1 menelefon SP4 memberitahu bekalan telah ada dalam simpanannya dan akan menghantarnya bersama seorang kawannya di satu kawasan di Changkat Jering antara jam 5–7 petang. Maklumat ini kemudian telah disalurkan kepada ASP Mohd Salleh bin Abas ('SP7') yang mengambilalih tugas operasi dari SP6. Taklimat operasi telah dijalankan dimana SP5 telah ditugaskan sebagai penyamar sulit kedua sebagai orang suruhan SP4. Wang tunjuk RM20,000 telah diserahkan kepada SP4 dan isyarat tangkap dipersetujui dengan SP4 menggaru kepalanya.

[10] Lebih kurang 7.30 malam, SP4 telah menerima panggilan telefon daripada OKT1 memberitahu tentang kedudukannya. Atas faktor keselamatan mereka berjumpa di 'Restoran ST'. Maklumat ini dimaklumkan kepada SP7, SP4 dan SP5 yang telah pergi ke restoran itu dengan menaiki kereta Proton Waja No WML 4578.

[11] Semasa di restoran itu, kawan OKT1 telah kenalkan dirinya sebagai Shahril (OKT2) dan SP5 kenalkan dirinya sebagai 'Mat' kepada kedua-dua OKT. Setelah berbincang mereka bersetuju untuk menyuruh 'pembantu' masing-masing (OKT2 dan SP5) membuat penyerahan bekalan di mana-mana tempat di luar restoran.

[12] Sejurus kemudian, dengan mengambil kunci kereta masing-masing daripada 'ketua' mereka, OKT2 memandu keluar kereta Proton Wira No PGW 4192 dan diikuti dengan Proton Waja No WMC 4578 yang dipandu oleh SP5.

[13] SP5 dalam keterangannya menyatakan dia mengekori kereta yang dipandu OKT2 beberapa ketika, sehingga kereta itu diberhentikan di satu kawasan kira-kira 50 meter daripada simpang lampu isyarat berdekatan dengan simpang masuk ke Taman Kaya. Setelah kedua-dua mereka turun, SP5 yang mengesahkan bekalan dadah itu dari dalam *boot* kereta OKT2, telah meminta OKT2 memindahkan dadah-dadah tadi yang terisi dalam sebuah beg hitam jenama 'APACS' ke dalam *boot* kereta Wajanya. Kemudiannya, kedua-dua mereka telah berpatah balik ke restoran tersebut. Selepas sampai di Restoran ST, SP5 bisikkan 'ok' kepada SP4. SP4 pun menggarukan kepalanya sebagai isyarat yang telah dipersetujui. Melihat isyarat ini, secara serentak anggota-anggota polis yang diketuai oleh SP7 telah melakukan tangkapan ke atas kedua-dua OKT di situ juga dan kedua-dua SP4 dan SP5 telah melarikan diri mereka dan bersembunyi di belakang restoran itu.

[14] Pemeriksaan lanjut ke atas badan kedua-dua OKT dan keretanya PWG 4192 tidak menemui apa-apa. Namun, pemeriksaan lanjut ke atas kereta penyamaran WML 4578 menemui sebuah beg jenama 'APACS' yang mana di dalamnya mengandungi 13 ketulan mampat yang disyaki dadah ganja.

[15] Dadah-dadah tersebut telah diserahkan kepada 'SP3', seorang ahli kimia yang mengesahkan bahawa hasil analisanya ke atas 13 ketulan mampat tersebut adalah merupakan dadah jenis *cannabis* yang berat bersihnya sebanyak 12,712g.

KES PEMBELAAN

[16] Kedua-dua OKT masing-masing memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi. Secara ringkasnya OKT1 dan OKT2 mengatakan mereka tidak terlibat dalam urusan jual beli dadah yang dirampas dalam kes ini. Mereka mengatakan mereka hanya menjadi pemandu kepada Max. OKT1 dalam keterangannya mengatakan dia telah memandu kereta No PGW 4192 bersama-sama dengan Max dan teman wanita Max untuk bertemu SP4 buat kali pertama di gerai berhampiran dengan Pejabat Pos Pekan Baling pada

16 Ogos 2006. OKT1 juga mengatakan pada tarikh kejadian juga, OKT1 mendakwa beliau telah diajak oleh Max untuk menemaninya pergi ke Taiping di mana OKT1 telah memandu keretanya sendiri dan telah sampai di Restoran ST tersebut. Di restoran itu juga beliau menafikan terlibat dalam mengatur cara penyerahan dadah-dadah itu kerana segalanya diatur oleh Max dan SP4 dengan menggunakan khidmat OKT2 bersama Mat atau SP5. Beliau hanya duduk di restoran tersebut bersama SP4 sehingga tangkapan berlaku.

[17] OKT2 juga menafikan pembabitannya dengan dadah-dadah yang dirampas. OKT2 mengatakan dia hanya menjadi pemandu kepada Max dengan menggunakan kereta OKT1 No PGW 4192 setelah diarahkan berbuat demikian.

[18] OKT2 mengatakan dia membawa Max arah ke Pekan Simpang dan selepas beberapa ketika, atas arahan Max, dia memberhentikan keretanya di belakang sebuah kereta Waja warna *silver*. Di situ katanya Max sahaja yang turun dari kereta dan dia (OKT2) nampak Max telah memindahkan satu plastik dari *boot* kereta Waja OKT1 itu ke dalam *boot* kereta SP5. Setelah itu, tanpa mengikut OKT2 balik, Max telah memesan kepadanya supaya berpatah balik ke restoran yang kemudiannya OKT2 telah ditangkap bersama-sama dengan OKT1.

RAYUAN PERAYU PERTAMA (OKT1)

[19] Dalam petisyen rayuannya, OKT1 telah mengemukakan sembilan alasan rayuan yang boleh diringkaskan seperti berikut: Pertama, hakim bicara telah melakukan kesilapan apabila membuat penemuan bahawa pendakwaan telah membuktikan kes yang melampaui keraguan munasabah sedangkan pihak pendakwaan gagal mendapatkan dan mengemukakan saksi Rosmaria bt Ismail yang ditawarkan kepada OKT1 dan memutuskan kewujudan Max adalah satu rekaan sahaja walaupun pihak pembelaan telah dari awal lagi menyatakan Max wujud dalam perbincangan mereka. Peguambela perayu pertama berhujah saksi Rosmaria bt Ismail telah tidak pernah dipanggil oleh pihak pendakwaan dan tiada sebarang alasan diberikan oleh pihak pendakwaan. YA hakim bicara juga tidak memberikan apa-apa ulasan dalam penghakiman untuk menolak hujah ini; lebih-lebih lagi bila tiada juga bukti di dalam rekod rayuan yang menunjukkan pihak pendakwaan telah menggugurkan saksi tersebut.

[20] Mengenai Max pula peguambela OKT1 berhujah sepanjang tempoh pemeriksaan utama saksi pembelaan OKT1 secara konsisten mengatakan bahawa Max telah wujud pada masa rundingan. Oleh itu peguambela OKT1 berhujah adalah tidak adil untuk mengatakan ia adalah 'an afterthought' atau rekaan semata-mata.

[21] Kedua, peguambela OKT1 membangkitkan perbezaan keterangan antara Ahli Kimia (SP3) dan laporan polis (eksh P34) mengenai cara dadah berbahaya tersebut dibungkus. Ahli kimia mengatakan semasa soal balas oleh peguambela dadah tersebut dibungkus dengan menggunakan 'aluminium wrappers'; manakala di dalam laporan polis ia dikatakan dibungkus dengan kertas timah (*tin foil*). Pihak pendakwaan gagal memberi penjelasan tentang perbezaan ini.

[22] Ketiga, peguambela OKT1 berhujah semasa tangkapan dibuat, polis telah merampas tiga telefon bimbit. Tetapi semasa perbicaraan adalah didapati bahawa ketiga-tiga telefon bimbit tersebut tidak didaftarkan atas nama OKT1; dan pihak pendakwaan tidak pernah mengambil sebarang keterangan daripada pemilik-pemilik telefon tersebut.

[23] Keempat, peguambela OKT1 berhujah tiada sebarang cap jari mahupun keratan kuku kepunyaan OKT1 telah dihantar kepada ahli kimia untuk mengesahkan bahawa tertuduh pernah menyentuh barang-barang salah.

[24] Kesimpulannya, peguambela OKT1 berhujah bahawa dengan terdapatnya kecacatan-kecacatan ini dalam kes pendakwaan, maka terdapat lompang (*gaps*) dalam kes pendakwaan dan terputusnya rantaian keterangan (*break in the chain of evidence*). Oleh itu katanya, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes terhadap OKT1 yang melampaui keraguan munasabah.

RAYUAN PERAYU KEDUA (OKT2)

[25] OKT2 dalam petisyen rayuannya telah juga mengemukakan sembilan alasan rayuan yang boleh diringkaskan seperti berikut: Pertama, OKT2 mengatakan dia tidak mengambil apa-apa bahagian dalam transaksi dadah yang didakwa itu dengan mengatakan pihak pendakwaan tidak membuktikan apa-apa pengetahuan OKT2 tentang dadah di dalam beg di dalam kereta PGW 4192 yang dipunyai oleh isteri OKT1. Peguambela OKT2 berhujah bahawa tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan OKT2 turut sama dalam transaksi dadah tersebut kerana OKT2 tidak berurusan dengan SP4 pada bila-bila masa pun dan tiada apa-apa percakapan di antara OKT2 dan SP4. OKT2 mengatakan dia hanya menurut arahan OKT1 untuk memandu kereta. Peguambela OKT2 berhujah bahawa tidak ada mana-mana saksi pendakwaan yang telah memberi keterangan akan penglibatan OKT2.

[26] Kedua, peguambela OKT2 mengatakan bahawa pendakwaan tidak dapat membuktikan bahawa OKT2 mempunyai milikan eksklusif (*exclusive possession*) ke atas dadah tersebut.

[27] Ketiga, peguambela OKT2 mengatakan bahawa tiada apa-apa niat bersama dibuktikan oleh pihak pendakwaan di mana pihak pendakwaan tidak dapat menunjukkan apa-apa 'link' di antara OKT1, OKT2 dan dadah yang dijumpai. Juga tidak ada apa-apa elemen *negotiated sale* yang membabitkan OKT2.

[28] Kesimpulannya, OKT2 mengatakan dia tidak terlibat dalam transaksi menjual atau mengedar dadah berkenaan dan pihak pendakwaan juga gagal membuktikan niat bersama tentang penglibatannya dalam transaksi yang didakwa itu.

PENDAPAT MAHKAMAH INI

[29] Mengenai isu kegagalan pendakwaan mengemukakan saksi Rosmaria yang telah ditawarkan kepada pembelaan OKT1 dan OKT2, kami berpendapat ia tidak melemahkan atau memprejudis kes pendakwaan. Memang tidak dinafikan dalam kes ini pihak pendakwaan telah menawarkan beberapa orang saksi (lima semuanya, empat daripada mereka adalah anggota polis) kepada pembelaan di akhir kes pendakwaan termasuklah saksi Rosmaria. Apabila ditawarkan pembelaan telah bersetuju melepas kesemua saksi tersebut kecuali saksi Rosmaria. OKT1 memberitahu hakim bicara dia memerlukan Rosmaria. OKT2 pula tidak memerlukan mana-mana saksi yang ditawarkan.

[30] Kami telah membaca rekod rayuan dengan cermat dan teliti. Kami dapati nama 'Rosmaria' tiada disebut oleh mana-mana saksi pendakwaan yang telah memberi keterangan di dalam perbicaraan di hadapan hakim Mahkamah Tinggi. Apa yang kami dapat pastikan daripada rekod rayuan ialah SP4 dan SP6 dalam keterangan mereka telah mengatakan bahawa semasa polis mengaturkan pertemuan pertama antara SP4 (yang bertindak sebagai *agent provocateur* dalam kes ini) pada 16 Ogos 2006 di sebuah gerai berhampiran dengan Pejabat Pos Pekan Baling, mereka telah nampak OKT1 tiba di kawasan gerai tersebut dengan menaiki sebuah kereta Proton Wira No PGW 4192. Mereka juga nampak OKT1 keluar daripada kereta tersebut bersama seorang perempuan.

[31] Daripada keterangan di dalam rekod rayuan kami dapati perempuan itu tidak mengambil bahagian di dalam rundingan yang berlaku antara SP4 dan OKT1 di gerai tersebut. SP4 juga tidak menyatakan dalam keterangannya apakah keturunan perempuan tersebut. Di sini terdapat sedikit perbezaan antara keterangan SP6 dan keterangan OKT1 ('DW1'). Dalam keterangannya SP6, semasa soal utama, menyatakan dia nampak OKT1 sampai bersama-sama dengan seorang perempuan Melayu ke gerai tersebut. Manakala DW1 pula mengatakan perempuan itu adalah berketurunan India dan adalah teman

wanita kepada 'Max'. Namun demikian DW1 tidak menafikan seorang perempuan turut bersamanya semasa dia datang ke gerai tersebut untuk bertemu dengan *agent provocateur* SP4. OKT1 juga tidak menyoal balas SP6 tentang fakta ini — perempuan itu adalah perempuan Melayu. Pada hemat kami perempuan inilah dikatakan sebagai Rosmaria yang telah ditawarkan kepada OKT1 dan OKT2 untuk pembelaan mereka. Tetapi apa yang penting diperhatikan ialah setelah OKT1 dan OKT2 mengemukakan pembelaan mereka dan selesai memberi keterangan, kedua-dua OKT telah menutup kes mereka tanpa memanggil Rosmaria untuk memberi keterangan. Ini boleh dilihat di ms 145 rekod rayuan. Ini menunjukkan kedua-dua OKT tidak mahu memanggil, dan tidak memerlukan Rosmaria sebagai saksi untuk memberi keterangan bagi pihak mereka. Keadaan ini berbeza dengan kes *Public Prosecutor v Asnawi bin Yusuf* [2011] 4 MLJ 16 yang dirujuk oleh peguambela OKT1 bagi menyokong hujahnya bahawa kegagalan mengemukakan Rosmaria sebagai saksi menjejaskan pembelaan kedua-dua OKT dan menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan.

[32] Di dalam kes *Asnawi* Mahkamah Rayuan mendapati keterangan yang jelas pihak pendakwaan diberi ingatan beberapa kali oleh peguambela tertuduh untuk memanggil saksi-saksi yang telah ditawarkan oleh pihak pendakwaan untuk memberi keterangan. Lihat perenggan 22 dalam penghakiman kes tersebut. Tambahan pula dalam kes yang sama, terdapat seorang karakter (*character*) yang bernama Fakarullah yang telah meminta responden memandu kereta yang dikatakan dimiliki oleh salah seorang saksi yang ditawar kepada pembelaan, dan yang telah disebut oleh responden dalam kes itu sebagai pemilik bungkusan yang telah dirampas oleh polis yang disyaki mengandungi dadah berbahaya. Dalam kes tersebut juga Mahkamah Rayuan telah mendapati responden telah memberi keterangan bahawa Fakarullah sering datang bertandang ke rumah tempat tinggal responden untuk berbual. Oleh yang demikian itu, Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut membuat kesimpulan bahawa jika saksi-saksi yang dikehendaki oleh responden dalam kes *Asnawi* dikemukakan, keterangan mereka boleh menunjukkan sama ada karakter Fakarullah itu benar-benar wujud ataupun sebaliknya. Jadi fakta dan keadaan kes *Asnawi* dan rayuan ini boleh dibezakan.

[33] Mengenai isu kewujudan Max pula, hakim bicara telah membuat kesimpulan berdasarkan keterangan yang ada di hadapannya untuk menolak kewujudannya dan menyatakan bahawa Max adalah rekaan semata-mata. Sehubungan dengan ini, hakim bicara juga telah menolak keterangan DW3 (Jaini bin Hj Mat Amin), yang telah dipanggil oleh OKT1 untuk menyokong ceritanya mengenai Max, sebagai keterangan saksi yang berkepentingan dan yang dibangkitkan sebagai 'after thought'. Setelah meneliti keterangan tentang kewujudan Max dalam kes ini kami berpendapat hakim bicara tidak melakukan apa-apa kesilapan untuk membuat keputusan sedemikian.

[34] Keterangan DW1 (iaitu OKT1) dan DW2 (iaitu OKT2) tentang kewujudan Max adalah bertentangan dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan SP4, SP5 dan SP6.

[35] DW1 dalam keterangannya menyatakan dalam pertemuan pertama pada 16 Ogos 2006 dengan SP4 di gerai berhampiran dengan Pejabat Pos Pekan Baling, dia telah pergi bersama dengan Max dan teman wanitanya dan telah memperkenalkan Max kepada SP4 yang pada ketika itu memperkenalkan dirinya sebagai Bob. Bob pada ketika itu ada bersama dengan 'sumber'nya. Mengikut keterangan DW1, SP4 atau Bob pada masa itu ada dengan kawan DW1 dan Max yang dikenali sebagai Jan. DW1 menyatakan apabila dia tiba di gerai tersebut dia telah menuju ke meja yang diduduki oleh Jan bersama dengan seorang lelaki yang dia tidak dikenali. DW1 kemudian bersalaman dengan Jan dan Jan kemudiannya memperkenalkan lelaki yang bersamanya kepada DW1 sebagai Bob. Menurut DW1 lagi dia telah memperkenalkan dirinya kepada Bob sebagai Sahir; dia juga telah kenalkan Max yang berbangsa India kepada Bob. Daripada keterangan ini kebarangkaliannya ialah Jan adalah sumber yang digunakan oleh SP4 untuk mengatur pertemuan pertama dengan DW1 bagi urus niaga dadah berbahaya berkenaan. DW1 juga menyatakan di gerai tersebut dia duduk semeja dengan Jan dan teman wanita Max. Kemudian katanya, dia telah ke tandas selama 5–6 minit dan lepas itu kembali ke meja bersama Jan dan teman wanita Max. Dari meja tersebut DW1 menyatakan dia mendengar Max memberitahu Bob (SP4), 'barang tidak ada lagi. Kalau ada barang akan hubungi Bob'.

[36] Daripada keterangan DW1 ini kami perhatikan pertama, DW1 dan Jan memang kenalan yang rapat kerana apabila sampai sahaja di gerai tersebut DW1 terus menuju kepada Jan dan bersalaman dengannya. Kedua, selepas memperkenalkan diri masing-masing, DW1 seolah-olah mengatakan dalam keterangannya dia, Jan dan teman wanita Max duduk di meja yang berasingan tapi berdekatan dengan meja yang diduduki oleh Bob (atau SP4) dan Max; dan Max lah yang berurusan dan berunding dengan Bob.

[37] Tetapi yang menjadi persoalan ialah kenapa semasa Jan bersalaman dengan OKT1 dan memperkenalkan Bob kepada OKT1, Jan tidak memperkenalkan Max kepada Bob. Perlu diingat OKT1 telah memberi keterangan bahawa Max juga adalah kawan Jan; dan malahan menurut cerita OKT1, Jan yang telah menelefonnya supaya membawa Max bersama datang ke gerai tersebut untuk berbaik semula dengan Max setelah bergaduh dengannya. Jadi dari keterangan OKT1, Max adalah rakan bersama (*mutual friend*) OKT1 dan Jan. Oleh itu adalah tidak munasabah Jan tidak memperkenalkan Max kepada Bob pada pertama kali pertemuan mereka.

[38] SP4, SP5 dan SP6 dalam keterangan mereka pula mengatakan tiada orang bernama Max yang terlibat dalam rundingan dengan OKT1. SP4 mengatakan semasa OKT1 datang menemuinya dengan sumbernya di gerai tersebut SP4 hanya nampak OKT1 dan seorang perempuan Melayu turun dari kereta yang dipandu oleh OKT1. Tiada lelaki India atau perempuan India yang turun bersama-sama OKT1 dari kereta tersebut.

[39] Di pertemuan kedua antara SP4 dan OKT1 pada 25 Ogos 2006 di Restoran ST di Changkat Jering, keterangan SP4 ialah dia telah menerima panggilan telefon daripada OKT1 pada jam 5.20 petang memberitahunya 'barang' yang dijanjikan itu telah pun ada; dan SP4 diberitahu oleh OKT1, dia bersedia untuk berlepas ke Taiping. Dia hanya sedang menunggu kawannya datang. Dalam panggilan telefon yang kedua kepada SP4 di hari yang sama, OKT1 memberitahu SP4, dia telah sampai di Changkat Jering dan meminta SP4 datang ke salah sebuah gerai dekat dengan tol Changkat Jering untuk urusan seterusnya. Tetapi permintaan itu ditolak oleh SP4 dengan alasan tempat itu tidak selamat. OKT1 kemudiannya mencadangkan pertemuan di sebuah gerai iaitu Restoran ST. Keterangan SP4 seterusnya ialah dia bersama-sama dengan SP5 kemudiannya memandu keretanya No WML 4578 ke arah Restoran ST. Apabila sampai di Restoran ST tersebut, SP4 nampak kereta No PGW 4192 yang digunakan oleh OKT1 semasa berjumpa dengan SP4 di gerai berhampiran dengan Pejabat Pos Baling. SP4 kemudiannya telah memberhentikan keretanya di sebelah kiri kereta OKT1 dan kemudian dia dan SP5 turun dari kereta dan terus masuk ke dalam Restoran ST. SP4 mengatakan dalam keterangannya, waktu berjalan masuk ke Restoran ST, dia nampak OKT1 dan kawan OKT1 yang berambut panjang dan bertopi duduk di satu meja dalam Restoran ST itu. Apabila hampir dengan OKT1, OKT1 telah memperkenalkan kawannya yang telah memperkenalkan dirinya kepada SP4 dan SP5 sebagai Shahril. SP5 pula yang diperkenalkan pertama kali kepada OKT1 dan OKT2 telah diperkenalkan sebagai Mat. Mereka berjabat tangan dan duduk di meja sambil memesan minuman. SP4 kemudian bertanya kepada OKT1, 'mana 'barang'? OKT1 menjawab, 'ada dalam kereta'. SP4 kemudiannya memberitahu OKT1 dia mahu tengok 'barang' itu, tetapi OKT1 tidak bersetuju kerana katanya tempat itu tidak selamat dan OKT1 meminta SP4 keluar dari restoran tersebut dan memandu kereta ke simpang empat serta mencari tempat yang sesuai, berhenti untuk tengok dan serah 'barang'. SP4 tidak bersetuju, sebaliknya SP4 meminta OKT1 mengarahkan kawannya (OKT2) membawa kereta OKT1 (PGW 4192) dan SP5 akan ikut dari belakang dengan kereta SP4 (WML 4578) sementara SP4 dan OKT1 duduk dan tunggu di Restoran ST. SP4 memberitahu OKT1, selepas OKT2 dan SP5 balik, setelah 'barang' diserahkan dan SP5 memberitahu SP4, 'ok', barulah SP4 akan bayar harga 'barang' itu. OKT1 bertanya kepada OKT2 mengenai cadangan SP4 tersebut dan OKT2 menjawab 'boleh'. Berikutan dengan itu, OKT2 dan SP5 keluar memandu kereta masing-masing.

[40] Di dalam keterangan SP4 tentang pertemuan dan perbincangan di Restoran ST, jelas sekali bahawa perbincangan tersebut adalah secara langsung antara SP4 dan OKT1. Tiada pihak ketiga atau Max yang terlibat dalam perbincangan tersebut. Keterangan SP4 ini disokong oleh SP5 dan juga SP6. Dalam keterangannya, SP6 menyatakan pada 25 Ogos 2006 lebih kurang 7.45 malam apabila dia masuk ke Restoran ST, dia nampak OKT1 duduk di meja di bahagian hujung restoran bersama-sama dengan seorang lelaki Melayu yang tidak dikenali dan jarak di antara meja SP6 dan meja OKT1 dan lelaki Melayu ialah selang dua atau tiga meja. Menurut SP6 lagi, dia nampak SP4 dan SP5 sampai ke Restoran ST dan terus ke meja OKT1. Di situ mereka telah berbual seketika dan kemudiannya SP6 nampak SP5 dan kawan OKT1 (iaitu OKT2) keluar daripada Restoran ST tersebut dengan kereta masing-masing. Menurut SP6 lagi, sepuluh minit kemudian, SP5 dan OKT2 telah kembali semula ke Restoran ST dan terus ke meja OKT1 dan SP4. SP6 juga di dalam keterangannya tiada menyebut apa-apa mengenai kehadiran Max atau pihak ketiga yang lain dalam pertemuan di antara SP4 dan OKT1 di Restoran ST kecuali yang dia nampak ialah SP5 dan OKT2.

[41] Kami mendapati keterangan SP4 dan SP6 ini begitu juga dengan SP5 tidak dicabar semasa soal balas. Malahan, peguam OKT1 yang bijaksana di dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi langsung tidak menyoal balas SP4 tentang kehadiran Max dalam pertemuan dengan SP4 dan OKT1 di Restoran ST.

[42] Mengenai pemeriksaan balas, Encik Ravi, peguambela OKT1 hanya mencadangkan kepada SP6 (*put question*) bahawa sumber telah memberitahu yang sasarannya bernama Max bukan OKT1 dan pertemuan di gerai di Baling adalah melibatkan seorang perempuan, OKT1 dan Max. Tetapi SP6 telah tidak bersetuju dengan cadangan ini.

[43] SP5 juga telah ditanya dalam pemeriksaan balas oleh peguam OKT1 yang mencadangkan bahawa Max ada ikut serta dengan OKT2 dalam kereta PGW 4192. SP5 juga tidak bersetuju dengan cadangan peguam OKT1 bahawa Max yang telah mengangkat 'barang' daripada kereta PGW 4192 ke dalam kereta SP4 yang dipandu oleh SP5 semasa penyerahan barang.

[44] Daripada keterangan oleh SP4, SP5 dan SP6, seperti yang kami dapati dalam rekod rayuan, kami berpuas hati bahawa tiada apa-apa di dalam keterangan ketiga-tiga saksi pendakwaan itu yang boleh menimbulkan syak atas imbangan kebarangkalian bahawa terdapatnya seseorang bernama 'Max' yang telah hadir dan berurusan dengan SP4 untuk penjualan dan pembelian dadah berkenaan. Oleh yang demikian, kami bersetuju dengan kesimpulan dan penemuan yang dibuat oleh hakim bicara bahawa kewujudan Max adalah

rekaan semata-mata dan dengan itu hakim bicara telah membuat keputusan yang betul untuk menolak cerita OKT1 tentang kewujudan Max.

[45] Di hadapan kami, peguam OKT1 telah berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menolak kemungkinan kewujudan Max itu adalah benar kerana pembelaan telah di awal-awal kes pendakwaan menimbulkan tentang kewujudan Max. Memang benar terdapat nas-nas yang telah diputuskan sebelum ini yang menyokong prinsip bahawa jika sesuatu pembelaan itu hendak di anggap sebagai 'credible' atau boleh dipercayai walaupun ia mungkin tidak benar, pembelaan tersebut hendaklah dikemukakan seawal yang mungkin. Ini boleh dilakukan oleh tertuduh semasa dalam percakapannya yang direkodkan oleh pihak polis semasa siasatan ataupun melalui soal balas saksi-saksi pendakwaan. Di dalam kes rayuan di hadapan kami sekarang, tidak ada apa-apa keterangan ataupun hujahan yang di bawa untuk menunjukkan bahawa pembelaan OKT tentang kewujudan Max telah dimaklumkan kepada SP6 ataupun SP7 semasa dalam siasatan atau semasa tangkapan dibuat. Pembelaan ini hanya ditimbulkan melalui pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan; itu pun tidak dibuat secara serius. Kami berpandangan bahawa prinsip ini iaitu untuk sesuatu pembelaan itu boleh dianggap 'credible', ia hendaklah dikemukakan seawal yang mungkin, bukanlah suatu prinsip yang mutlak (*absolute*), ia adalah merupakan suatu prinsip yang bersifat '*evidential*' dan hendaklah diuji tentang kredibilitinya ataupun kebarangkalian kebenarannya dengan keterangan-keterangan yang lain yang ada di hadapan hakim bicara. Mengambil pendekatan ini, kami berpendapat dalam kes ini cerita OKT1 tentang kewujudan Max itu bukanlah sesuatu yang 'credible' dan kebarangkalian tentang kebenarannya amat tipis sekali.

[46] Mengenai perbezaan keterangan ahli kimia, SP3 dan laporan polis iaitu Borang P34 (eksh P11) tentang pembalut atau *wrappers* dadah berkenaan di mana ahli kimia, SP3 mengatakan bahawa semasa dadah itu diterima daripada pegawai penyiasat ianya dibalut dengan pembalut aluminium (*aluminium wrappers*); sementara dalam laporan polis Borang P34 dikatakan dadah tersebut dibungkus dengan kertas timah, pada pendapat kami isu ini tidak menjejaskan kes pendakwaan. Kami berpendapat demikian kerana: Pertama, SP7 memberi keterangan bahawa semasa beliau membuat pemeriksaan lanjut ke atas beg yang berwarna hitam bertulis dengan perkataan 'APACS' yang dipindahkan daripada *boot* kereta PGW 4192 ke dalam *boot* kereta samaran polis No WML 4578 oleh OKT2, SP7 menjumpai 13 ketulan mampat yang dibaluti dengan kertas timah dan plastik lutsinar yang disyakinya sebagai dadah jenis ganja. Perkataan 'kertas timah' adalah sememangnya perkataan harian yang digunakan oleh kebanyakan orang untuk memperihalkan aluminium foil. Oleh itu, apabila ahli kimia, SP3 memperihalkan bahawa semasa dia memulakan analisa dadah tersebut dia mendapati ketulan-ketulan

dadah itu berbungkus dengan aluminium foil, keterangan ini adalah tiada berbeza dengan keterangan yang diberi oleh SP7. Kedua, perkara yang terpenting dalam hal ini yang harus diperhatikan ialah kedua-dua OKT tidak mempersoalkan pergerakan ekshibit dadah-dadah tersebut dari mula ianya dirampas oleh pegawai penyiasat sehinggalah ianya diserahkan kepada ahli kimia untuk dianalisis dan kemudiannya diserahkan semula kepada pegawai penyiasat untuk disimpan sehingga dikemukakan ke mahkamah semasa perbicaraan sebagai ekshibit. Oleh itu, pada pandangan kami, tidak berlakunya 'break ini chain of evidence' mengenai dadah-dadah tersebut. Ketiga, kami juga mendapati daripada penelitian ke atas rekod rayuan, peguambela OKT1 dan OKT2 yang bijaksana telah tidak menyoal balas ataupun mencabar saksi-saksi pendakwaan khususnya ahli kimia, SP3 dan SP7 tentang perkara ini.

[47] Dalam kes *Su Ah Ping v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 75, yang dirujukkan kepada kami oleh timbalan pendakwa raya, Ketua Hakim Negara Tun Suffian (pada masa itu) telah mengatakan seperti berikut:

> The question was whether the exhibits the inspector produced were the guns and ammunition he found at the scene.
>
> ...
>
> In our judgment, if the officer who picked up an object at the scene produced it and identified it as that very object that is enough, and there is no need to call any other officer who handled it ...

[48] Dalam kes *Satli bin Masot v Public Prosecutor* [1999] 2 SLR 637, yang juga dirujukkan oleh timbalan pendakwa raya, Mahkamah Singapura mengatakan:

> In cases where a break in chain of evidence was alleged, the issue for the court's determination was whether, on the evidence adduced before the court, any doubt had been raised on the identity of the drug exhibits.

[49] Daripada nas-nas di atas, adalah jelas bahawa jika isu dibangkitkan mengenai terputusnya rantaian keterangan, prinsip yang terpakai ialah mahkamah hendaklah menentukan sama ada keterangan yang dikemukakan di mahkamah untuk menyokong isu ini atau membuktikan isu ini telah menimbulkan keraguan tentang identiti ekshibit dadah-dadah tersebut; dan untuk mematahkan hujah ini adalah memadai sekiranya pihak pendakwaan boleh menunjukkan bahawa dadah yang dijumpai di tempat kejadian itu dan ekshibit dadah yang dikemukakan di mahkamah semasa perbicaraan adalah dadah yang sama. Berpandukan prinsip ini dan setelah kami memberi pertimbangan kepada keterangan-keterangan yang ada di dalam rekod rayuan dan juga hujah-hujah mengenainya yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak,

kami pendapat tiada keraguan dalam kes ini tentang identiti ekshibit dadah tersebut. Oleh itu, kami bersetuju dengan hujah timbalan pendakwa raya bahawa isu ini adalah tidak bermerit.

[50] Mengenai dakwaan OKT1 bahawa ketiga-tiga telefon bimbit yang dirampas oleh polis semasa tangkapan dibuat itu tidak didaftarkan atas namanya dan kegagalan pihak polis untuk menyiasat ataupun mengambil keterangan daripada pemilik-pemilik telefon tersebut sebagai salah satu alasan untuk mengatakan terdapatnya lompang dalam kes pendakwaan, kami mendapati ada keterangan yang mencukupi yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tentang bagaimana telefon-telefon bimbit tersebut berada dalam milikan OKT1. Pertamanya, pihak pendakwaan telah pun memanggil SP10 untuk menerangkan bahawa telefon tersebut adalah milik anaknya yang kini tinggal dan bekerja di Arab Saudi yang telah hilang. Pada masa telefon itu digunakan untuk membuat panggilan, SP10 berkata anaknya masih lagi bekerja dan tinggal di Arab Saudi. Siasatan polis pula menunjukkan terdapat lapan panggilan yang dibuat dari Malaysia daripada telefon berkenaan mulai tarikh 17–22 Ogos 2006 yang dibuat ke nombor telefon milik SP4. Sekiranya pemilik sebenar telefon tersebut berada di Arab Saudi pada masa yang berkenaan, sedangkan telefon tersebut dijumpai dalam milikan OKT1 dan rekod panggilan menunjukkan panggilan itu dibuat di Malaysia kepada nombor telefon milik SP4 pada tarikh di mana pihak-pihak sedang mengadakan rundingan itu penjualan dadah tersebut, sudah pasti pada pemikiran kami, panggilan itu dibuat oleh OKT1. Oleh itu, kebarangkalian dakwaan OKT1 yang dia tidak pernah membuat panggilan daripada telefon berkenaan kepada SP4 mengenai urusan jual beli dadah tersebut adalah, pada pandangan kami, tidak meyakinkan. Dengan demikian itu, adalah tidak perlu untuk pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi bagi membuktikan sebaliknya. Oleh kerana itu, pergantungan OKT1 ke atas s 114(g) Akta Keterangan 1950 mengenai isu ini adalah tidak berkewajaran.

[51] Mengenai kegagalan pihak polis untuk mengambil cap jari pada barang kes bagi menunjukkan bahawa tertuduh pernah menyentuh barang kes tersebut terutama dadah berkenaan untuk membuktikan milikan ataupun kawalan OKT1 dan OKT2 ke atas dadah tersebut, kami bersetuju dengan hujah timbalan pendakwa raya bahawa terdapat keterangan-keterangan lain yang boleh menyokong kes pendakwaan bahawa dadah berada dalam milikan dan kawalan OKT1 dan OKT2. Daripada fakta kes yang disebutkan di atas, terdapat 'direct evidence' di mana OKT2 telah menunjukkan sebuah beg hitam jenama 'APACS' di dalam *boot* kereta PGW 4192 milik OKT1, kepada SP5 sebelum beg tersebut berserta isinya dipindahkan oleh OKT2 ke dalam *boot* kereta WML 4578 yang dipandu oleh SP5. SP7 pula dalam keterangannya mengatakan bahawa di dalam beg tersebut terdapat dadah-dadah berkenaan

yang kemudiannya dihantar kepada ahli kimia untuk dianalisa dan seterusnya dikemukakan di mahkamah.

[52] Dalam kes *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233 dan kes *Gade Laksmi Mangraju @ Ramesh v State of Andra Pradesh* AIR 2001 SC 2677, mahkamah mengatakan bahawa cap jari bukanlah sesuatu yang terpenting dalam mengenal pasti pihak yang melakukan kesalahan sekiranya terdapat ada keterangan-keterangan lain yang boleh menunjukkan ada identiti tertuduh seperti dalam kes ini. Seterusnya mahkamah dalam kedua-dua kes tersebut mengatakan keterangan tentang cap jari hanya mempunyai signifikan dan nilai bukti yang tinggi sekiranya terdapat kesamaran dari segi identiti pelaku jenayah berkenaan.

[53] Isu seterusnya ialah OKT2 mendakwa bahawa dia tidak terlibat dengan urusan jualan dadah dalam kes ini kerana katanya, dia adalah hanya penumpang di dalam kereta PGW 4192 dan dia hanya berada di situ atas ajakan OKT1. Katanya lagi dia tidak terlibat dalam sebarang rundingan dengan SP4 untuk urusan jual beli dadah berkenaan. Namun begitu, keterangan oleh SP5 dan SP4 jelas menunjukkan penglibatan OKT2 dalam kes ini. SP5 terutamanya memberi keterangan bahawa atas arahan OKT1 dan SP4 dia telah memandu kereta mengekori kereta yang dipandu oleh OKT2 keluar daripada kawasan Restoran ST untuk pergi ke satu tempat bagi tujuan memeriksa dan memindahkan 'barang' yang hendak dijual oleh OKT kepada SP4. Apabila tiba di tempat yang dibawa oleh OKT2, OKT2 telah memberhentikan keretanya dan membuka *boot* keretanya. OKT2 telah menunjukkan sebuah beg hitam berjenama APACS dalam *boot* keretanya kepada SP5 untuk diperiksa. Setelah SP5 melihat kandungan beg hitam tersebut dan mendapati ia mengandungi ketulan-ketulan mampat yang berbalut dengan kertas timah dan plastik lut sinar, dia telah meminta OKT2 memindahkan beg tersebut ke dalam *boot* keretanya. Kemudian OKT2 dan SP5 balik semula ke Restoran ST di mana SP5 memberitahu SP4 bahawa semuanya 'ok' dan dengan itu SP4 memberi isyarat yang telah dipersetujui untuk tangkapan dibuat.

[54] Dalam menilai keterangan ini, hakim yang bijaksana dalam penghakimannya telah mengatakan seperti berikut:

> Berdasarkan kepada penelitian keseluruhan versi keterangan pendakwaan, saya tidak nampak apa-apa alasan yang menunjukkan SP4 dan SP5 sebagai saksi yang tidak boleh dipercayai ...
>
> Kepada saya, penglibatan secara terus oleh tertuduh kedua bermula di masa dia bersama-sama tertuduh pertama berada dan menunggu kedatangan kedua-dua penyamar sulit ke Restoran ST. Dia juga bersetuju membawa kereta keluar daripada kawasan restoran itu, menyerahkan dadah-dadah rampasan dengan mengalihkan beg hitam jenama 'APACS' dari dalam *boot* kereta Wiranya ke dalam *boot* kereta

Waja dan berpatah balik ke restoran tempat kejadian ...

[55] Pada pandangan kami, hakim bicara telah membuat penilaian yang maksimum ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dan mengimbanginya dengan keterangan oleh OKT2 dan mendapati bahawa keterangan oleh OKT2 tidak dapat menimbulkan sebarang keraguan yang melampaui keraguan yang munasabah. Kami bersetuju dengan penilaian ini.

[56] Mengenai isu milikan (*possession*) yang dibangkitkan oleh OKT2 dengan mengatakan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan milikan dadah tersebut terhadapnya, kami ingin merujuk kepada kes *Toh Ah Loh and Mak Thim v Rex* [1949] 1 MLJ 54, di mana mahkamah telah mengatakan tentang sifat-sifat milikan yang perlu dibuktikan untuk mensabitkan seseorang. Dalam kes itu, mahkamah berkata seperti berikut:

> Possession, in order to incriminate a person, must have the following characteristics. The possessor must know the nature of the thing possessed, and must have in him a power of disposal over the thing, and lastly must be conscious of his passion of the thing.

[57] Prinsip ini juga telah diterima pakai dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] MLJU 504; [2006] 1 CLJ 457.

[58] Keterangan dalam kes ini menunjukkan bahawa OKT1 dan OKT2 telah pergi ke Restoran ST dalam sebuah kereta PGW 4192 dengan tujuan untuk berjumpa dengan SP4 yang menyamar sebagai pembeli dadah berbahaya berkenaan. Setelah beberapa minit berbincang di restoran tersebut OKT1 telah mengarahkan OKT2 untuk memandu kereta yang dipandunya untuk ke Restoran ST ke suatu tempat dengan diikuti oleh SP5 untuk tujuan pemeriksaan dan penyerahan dadah berbahaya yang dikatakan hendaklah di beli oleh SP4. Apabila OKT1 memandu kereta PGW 4129 dengan diikuti oleh kereta SP4 yang dipandu oleh SP5 sampai tempat selamat, berjauhan daripada Restoran ST tersebut, OKT2 telah memberhentikan keretanya. SP5 juga turut memberhentikan keretanya di belakang kereta yang dipandu oleh OKT2. Kemudian, OKT2 turun dari keretanya dan membuka bonet kereta tersebut dan menunjukkan kepada SP5 sebuah beg berwarna hitam yang mempunyai jenama 'APACS' untuk diperiksa oleh SP5. SP5 kemudiannya meminta OKT2 membuka zip beg tersebut; dan apabila SP5 melihat ke dalam beg tersebut dia nampak ketulan-ketulan mampat yang dibaluti dengan kertas timah dan plastik lut sinar yang disyaki sebagai dadah. SP5 kemudiannya meminta OKT2 untuk memindahkan beg itu dari *boot* kereta yang dipandu oleh OKT2 dan dimasukkan ke dalam *boot* kereta yang dipandu oleh SP5. Selepas itu, kedua-duanya balik semula ke Restoran ST di mana SP4 dan OKT1 sedang menunggu. Apabila tiba di Restoran ST, SP5 telah

membisikkan sesuatu kepada SP4 dan SP4 kemudiannya memberikan isyarat yang telah dipersetujui untuk tangkapan dibuat.

[59] Keterangan ini tidak disangkal oleh pembelaan. Keterangan itu juga menunjukkan bukan sahaja OKT1 dan OKT2 mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut tetapi juga terdapat elemen kawalan ke atas dadah tersebut oleh OKT1 dan OKT2. Oleh itu, kami berpandangan bahawa isu milikan ini telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap OKT1 dan OKT2.

[60] Kami juga perhatikan bahawa dalam kes ini terdapatnya penyerahan langsung (*actual delivery*) dadah berbahaya kepada SP5 oleh OKT2 sebagai susulan kepada rundingan antara SP4 dan OKT1 untuk pembelian dadah tersebut. Fakta ini sekali gus membuktikan adanya niat dan perbuatan untuk mengedar dadah berbahaya tersebut.

[61] Dalam kes *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197, Mahkamah Persekutuan mengatakan seperti berikut:

> A sale is therefore complete upon transfer of the property in the goods even though the price has not been paid.

[62] Dalam kes *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, responden pertama dan PW9 telah mengadakan perbincangan mengenai membekalkan ganja di mana responden pertama memberitahu PW9 bahawa bekalan tidak mencukupi dan dia (responden pertama) hanya ada satu kilo ganja dan harganya ialah RM1,500. Apabila PW9 bersetuju dengan harga tersebut, responden pertama dalam kes itu telah mengarahkan responden kedua untuk menyediakan bekalan dadah itu. Responden kedua kemudiannya telah masuk ke sebuah bilik dan telah mengambil satu bungkusan *cannabis*. Fakta-fakta dalam kes *Mansor bin Mohd Rashid* ini, hampir sama dengan fakta dalam rayuan di hadapan kami. Perbezaannya hanyalah dalam rayuan ini dadah tersebut disimpan di dalam *boot* kereta yang dipandu oleh OKT1 bersama-sama dengan OKT2 dan kemudiannya selepas rundingan diadakan antara OKT1 dan SP4, OKT1 telah mengarahkan OKT2 untuk menunjukkan 'barang' itu dan menyerahkannya kepada SP5 selaku yang orang suruhan SP4. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mansor bin Mohd Rashid* mengatakan: 'All this constitute clear evidence of sale or supply within the definition of trafficking.'

[63] Berhubung dengan isu niat bersama yang dibangkitkan oleh OKT2, kami ingin merujuk kepada kes *Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37, di mana Gopal Sri Ram JCA (ketika itu), apabila membincangkan isu niat bersama telah mengatakan seperti berikut:

> Section 34 of the Indian Penal Code recognises the principle of vicarious liability in the criminal jurisprudence. It makes a person liable for action of an offence not committed by him but by another person with whom he shared the common intention. It is a rule of evidence and does not create a substantive offence. The section gives statutory recognition to the common sense principle that if more than two persons intentionally do a thing jointly; it is just the same as if each of them had done it individually.

Seterusnya hakim yang bijaksana itu telah juga mengatakan:

> There is no gain saying that a common intention presupposes prior concert, such a pre-concert or pre-planning may develop on the spot or during the course of commission of the offence but the crucial test is that such plan must precede the act constituting an offence. Common intention can be formed previously or in the course of occurrence and on a spur of moment. The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case.

[64] Daripada kes di atas, prinsip yang boleh dirumuskan ialah niat bersama adalah sesuatu yang berkaitan dengan keterangan. Jika ianya terbukti, maka seseorang itu boleh didapati bersalah atas tindakan berkaitan dengan sesuatu kesalahan walaupun kesalahan tersebut tidak dilakukan olehnya tetapi orang seorang yang lain yang mana dia mempunyai niat yang sama. Niat bersama ini tidak semestinya wujud melalui 'pre-arrangement plan' ataupun 'pre-concert or pre-planning', ia boleh berlaku semasa tindakan yang menimbulkan kesalahan itu dilakukan. Berpandukan prinsip ini, dan melihat kepada keterangan dan fakta-fakta dalam kes rayuan ini, kami mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan niat bersama OKT1 dan OKT2 untuk menjual dadah berbahaya tersebut kepada SP4. Oleh yang demikian itu, kami bersetuju dengan penemuan oleh hakim bicara yang bijaksana bahawa niat bersama telah terbukti.

KESIMPULAN

[65] Di atas alasan-alasan yang kami hujahkan di atas, kami sebulat suara memutuskan bahawa rayuan oleh kedua-dua perayu OKT1 dan OKT2 ditolak. Keputusan Mahkamah Tinggi di atas sabitan dan hukuman terhadap kedua-dua perayu adalah disahkan.

Rayuan kedua-dua perayu ditolak; sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum